



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

05 Rabiulawal 1442 / 22 Oktober 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 05 Rabiulawal 1442H bersamaan 22 Oktober 2020, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 148 orang.**
 - Kes 148 ialah seorang lelaki berumur 40 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2020 melalui penerbangan Diraja Brunei BI874 (tempat duduk 27A). Beliau baru mengadu mengalami tanda-tanda jangkitan (batuk) pada hari ini. Pada masa ini, beliau berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) setakat ini telah mengenalpasti lapan belas (18) orang kontak terdekat yang mana ujian awal menunjukkan 10 daripada mereka

adalah negatif bagi COVID-19. Manakala, selebihnya masih lagi menunggu keputusan ujian.

2. Dengan pengesanan kes terbaru ini, sebanyak 7 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020. Pada ketika ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 169 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
3. Pada hari ini, seramai **295** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **7,248** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **284** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **65,947** ujian.

5. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian. Kerjasama orang ramai adalah juga dipohonkan untuk membantu Kerajaan mengawal penularan COVID-19 dengan menggunakan aplikasi BruHealth dan mengimbas kod QR setiap kali apabila masuk dan keluar dari premis-premis.

6. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan akan memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 05 Rabiulawal 1442H / 22 Oktober 2020